

# Kukuh industri pertanian demi keterjaminan makanan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disaran seimbangkan semula dasar perindustrian dengan dasar pertanian supaya masalah keterjaminan makanan negara tidak menjadi semakin rumit.

Ia susulan perubahan cuaca dan iklim yang semakin mengancam keterjaminan makanan negara sekali gus menyebabkan hasil makanan utama terutama padi berkurang.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata perubahan itu diperlukan meskipun secara relatifnya pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melonjak kepada 5.1 peratus pada tahun lalu.

“Meskipun ekonomi terus berkembang dengan keseluruhan ekonomi semakin baik, kerajaan perlu merombak sepenuhnya industri pertanian dan pengeluaran negara.

“Harga minyak sawit yang tinggi mungkin membantu pekebun di ladang, tetapi mereka terpaksa membeli makanan yang diimport lalu terdedah dengan kenaikan kos sama ada tukaran wang asing, pengangkutan, cu-

kai dan tarif serta faktor-faktor lain seperti geopolitik dunia.

“Begitu juga tahap penggunaan teknologi dalam industri pertanian yang masih perlahan, walaupun tidak dinafikan ada teknologi terbaharu diguna pakai namun ia hanya memberikan kesan kecil dalam meningkatkan produktiviti,” katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, dilaporkan berkata Malaysia dan negara serantau perlu bekerjasama bagi menangani kemungkinan kekurangan bekalan makanan.

Ia berikutan Malaysia serta rantau ini kekal terdedah kepada ancaman perubahan iklim yang turut meningkatkan impak kepada skala pengeluaran pertanian negara.

Aimi Zulhazmi berkata, walaupun banyak institusi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan universiti awam membuat penyelidikan, pengkomersialan teknologi terbaru mengatasi masalah dari pelbagai aspek seperti penilaian kewangan masih di takuk lama.

Malaysia wajar mempelajari bagaimana Belanda negara kecil mampu menjadi pengeluar barangan pertanian antara terbesar dunia serta keupayaan Thailand yang mempunyai industri pengeluaran makanan lebih maju, harga barangan kompetitif, kualiti dan teknologi mereka jauh ke hadapan.

Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad, mencadangkan ‘Food First Policy’ dan memperuntukkan dana pelaburan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) lebih besar seperti dilakukan ke atas kelapa sawit dan getah.

“Pada masa sama, universiti awam dan swasta perlu mengembleng tenaga untuk melaksanakan R&D makanan besar-besaran dan secara komprehensif seperti dilakukan China, Vietnam, Thailand dan Indonesia.

“Seterusnya, kerajaan perlu memperkasakan lagi khidmat pengembangan (extension) dengan teknologi termaju supaya ejen pengembangan dapat membantu petani lebih berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu memastikan liberalisasi industri padi dan beras supaya tidak terkongkong dengan dasar perlindungan berusia 52 tahun.

“Hal itu terbukti dasar itu

mengekang pertumbuhan dengan hasil pengeluaran dan hasil Kadar Sara Diri (SSL). pendapatan petani merosot, selain hanya satu variati beras, iaitu beras campuran,” katanya.